

09/04/1998

Air: Tidak perlu letak jawatan

Saring Sirad

KUALA SELANGOR, Rabu - Tindakan meminta pengurusan Jabatan Bekalan Air (JBA) Selangor meletakkan jawatan kerana gagal mengatasi krisis bekalan air di negeri ini, terutama di Lembah Klang, bukanlah cara terbaik untuk mengatasi masalah itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata jika tindakan itu diambil, ia akan menyulitkan lagi krisis bekalan air di negeri ini yang kini berada pada tahap kritikal.

Sehubungan itu katanya, orang ramai tidak seharusnya menuding jari dan menyalahkan satu pihak sahaja terhadap masalah yang berlaku.

"Jika kemarau panjang dan kawasan takungan air semakin susut kerana tiada hujan apakah ia berpunca daripada seseorang atau sesuatu pihak," katanya kepada pemberita di majlis korban 11 ekor lembu sempena Hari Raya Korban di Kampung Kuantan kira-kira 16 kilometer dari sini, hari ini.

Turut hadir Presiden Gabungan Persatuan Lepas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara), Mukhriz Mahathir; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Nahwari Hashim; dan Pegawai Daerah Kuala Selangor, Ishak Ahmad.

Sebelas ekor lembu yang dikorbankan di kampung itu disumbangkan oleh Ansara sebagai sebahagian kegiatan gabungan itu, tahun ini.

Mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini beliau berkata, kerajaan menyedari perasaan rakyat yang tidak mendapat bekalan air secara berterusan dan untuk itu, pelbagai langkah segera diambil.

"Antara langkah yang diambil termasuk membekalkan air di kawasan bermasalah dengan menambah jumlah lori tangki, berbanding 140 lori yang disediakan ketika ini.

"Saya sudah mengarahkan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Hashim Meon menambah bilangan lori tangki bagi memastikan bekalan air ke kawasan yang terputus bekalan air diatasi segera," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan jumlah lori tangki yang ditambah untuk tujuan itu.

Abu Hassan berkata, bekalan air khasnya di Selangor akan dapat diatasi menjelang Julai ini apabila loji di Bukit Badong dekat sini, memulakan operasinya dengan membekalkan kira-kira 100 juta liter air sehari di peringkat permulaan dan 475 juta liter menjelang akhir tahun ini.

Beliau mengalu-alukan pandangan dan cadangan orang ramai bagi mengatasi masalah bekalan air.

"Jika orang ramai mempunyai idea dan cadangan yang boleh mengatasi masalah bekalan air, kita sedia menimbang dan melaksanakannya jika sesuai," katanya.

(END)